



Jurnal AKADEMIK

UiTM Johor

Jilid 7

2007

ISSN 1511-9300

Making a Difference: Serve to Learn

Norhiah Ismail
Suhaidi Elias @ Alias

Can MBA Nurture Leadership Skills? A Case Study of
MBA Graduates of UiTM Johor

Azizah Daut
Normah Ismail

The Application of ICT and its Management in
the Malaysian Secondary Schools

Lee Tan Luck
Abd. Aziz Ibrahim

Benchmarking -- Is it Worth It?

Che Faridah Che Mahmood

Measurement of Alignment Practice in
Malaysian Universities of Higher Learning

Hisham Md. Basir
Ahmad Kamal Mohd. Yusop
Ariza Nordin

The Psychological Performance in a Classroom:
Do Students' Household Size and Family
Structure Have Vital Effects?

Nor Balkish Zakaria

Completion of English among Malay Speakers of ESL

Nor Haniza Hasan
Sumarni Maulan
Md Ikram Mahadzir

E-Job Profiling Information System (E-JPIS)

Jaslin Md Dahlan
Faridah Sappar
Akmal Aini Othman
Noornina Md Dahlan

Siswa Bistari: Setapak ke Dunia Keusahawanan

Ros Hasri Ahmad
Sharul Effendy Janudin
Noor Azrin Zainuddin

PEM
UNI
2007

Siswa Bistari: Setapak ke Dunia Keusahawanan

*Ros Hasri Ahmad
Sharul Effendy Janudin
Noor Azrin Zainuddin*

ABSTRAK

Siswa Bistari merupakan program perintis dalam usaha untuk membudayakan semangat keusahawanan di kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam. Program ini adalah usahasama diantara Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor, Johor Corporation dan Bistari Johor Berhad. Ia merupakan satu usaha penting bagi menjana dan membangunkan golongan generasi baru usahawan. Ini adalah kerana golongan siswazah merupakan kumpulan yang paling berpotensi dibangunkan menjadi usahawan kelas menengah yang berkebolehan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam membangunkan ekonomi negara. Matlamat utama program ini adalah untuk memupuk dan menerap budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa melalui pendedahan kepada pengalaman praktikal perniagaan semasa di kampus. Pendedahan ini bertujuan untuk membentuk dan melahirkan para siswazah yang berkeupayaan untuk menjadi usahawan yang berpengetahuan, bermaklumat dan bersedia untuk menghadapi persaingan dalam dunia perniagaan. Melalui program ini diharapkan dapat menarik minat lebih ramai mahasiswa Bumiputera untuk menceburi bidang keusahawanan di masa hadapan.

Pendahuluan

Pada asasnya bidang kerjaya yang terdapat di dalam sektor pekerjaan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pekerjaan di sektor kerajaan, swasta dan bekerja sendiri. Bidang keusahawanan termasuk dalam sektor ketiga di mana mereka yang terlibat dalam bidang ini berusaha secara berdikari dengan menjalankan kegiatan perniagaan sebagai sumber pendapatan bagi menyara kehidupan. Mereka menyediakan produk atau

perkhidmatan kepada masyarakat dan adakalanya turut menawarkan kemudahan berkenaan kepada pihak kerajaan ataupun swasta.

Memandangkan peluang yang semakin terbatas untuk menyertai sektor kerajaan dan swasta akhirnya isu puluhan ribu graduan Bumiputera menganggur timbul dan menjadi perbualan hangat di akhbar-akhbar harian yang masih belum bertemu penghujungnya. Pelbagai alasan diberikan berkaitan dengan isu ini, untuk menyertai sektor kerajaan atau swasta memerlukan pemohon mengenali atau mempunyai 'orang dalam', tahap pencapaian yang sederhana, sikap graduan yang terlalu memilih kerja, kegagalan graduan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik, pemilihan bidang pengajian yang tiada prospek pekerjaan atau ketinggalan zaman dan sebagainya menyebabkan mereka gagal mendapat pekerjaan.

Satu langkah drastik perlu diambil untuk mengatasi masalah ini. Jalan keluar yang boleh dipilih ialah melihat peluang untuk membina kerjaya selain daripada kedua-dua sektor yang semakin terhad. Maka itu bidang keusahawanan atau dengan kata lain menceburi sektor perniagaan merupakan pilihan terbaik bagi merungkaikan isu pengangguran khususnya di kalangan graduan.

Keusahawanan di Kalangan Siswazah

Kebelakangan ini, aktiviti latihan keusahawanan semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan tema '*Keusahawanan Kerjaya Pilihan*' telah menganjurkan Program Gerak Usahawan 2005 di Selangor pada 5 dan 6 Mei 2005 yang lalu menunjukkan statistik yang membanggakan di mana untuk sesi bengkel sahaja, seramai lebih 2,376 orang telah mendapat manfaat dari penganjuran bengkel tersebut dan hampir 750 orang usahawan telah berjaya diwujudkan. Pengisian Program Gerak Usahawan ini turut meliputi sesi sidang pleno, sesi bengkel, sesi klinik dan konsultansi, sesi '*business matching*' dan pameran (<http://www.mecd.gov.my/gerakusahawan/objektifanjuran.htm>).

Universiti-universiti pula terus mengambil langkah proaktif dengan sentiasa menilai kandungan mata pelajaran yang diajar kepada pelajar yang mendalami ilmu pengurusan perniagaan supaya ia akan seiring dengan kehendak pasaran dan mewujudkan kerjasama dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam melaksanakan program latihan tambahan keusahawanan sebagai nilai tambah kepada ijazah yang dimiliki oleh para graduan.

Program pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar pengajian tinggi telah bermula sejak tahun 1989. Program pertama yang diperkenalkan ialah Program Pembangunan Usaha Siswa. Bagaimanapun pada ketika itu, program tersebut hanya diletakkan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Apabila Kementerian Pembangunan Usahawan diwujudkan pada tahun 1995, barulah program ini diperluaskan ke-10 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Mulai tahun 2001, tiga program baru telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu Program Pembangunan Usaha Siswa bertujuan memberikan pendedahan kepada asas-asas keusahawanan menerusi seminar, bengkel atau kursus. Seterusnya ialah Program Latihan Keusahawanan Siswa yang menjadi sambungan kepada program sebelumnya di mana ia dilaksanakan menerusi modul motivasi, peluang, kaedah dan perancangan untuk menubuhkan sesebuah perniagaan. Sebagai penutup para peserta khususnya pelajar tahun akhir akan dihantar menjalani Kursus Asas Keusahawanan Siswa yang memerlukan mereka menyediakan satu Rancangan Perniagaan yang berdaya maju dan mampu dilaksanakan.

Hari ini, ketiga-tiga program tersebut telah berjaya menarik penyertaan daripada 17 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan kolej universiti di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM8.8 juta. Ketiga-tiga program ini telah memberi pendedahan dan latihan keusahawanan kepada 37,191 mahasiswa. Daripada jumlah tersebut 33,035 pelajar telah mengikuti Program Pembangunan Usaha Siswa, Latihan Keusahawanan Siswa pula telah disertai oleh 3,215 pelajar dan baki seramai 941 pelajar lagi telah berjaya menjalani Kursus Asas Keusahawanan Siswa.

Satu lagi program latihan keusahawanan peringkat antarabangsa yang telah diperkenalkan di kampus ialah SIFE atau '*Student In Free Enterprise*'. SIFE adalah satu program di mana mahasiswa dilatih untuk merancang dan mengendalikan aktiviti yang memiliki elemen keusahawanan dan menguruskan program mereka dari mula hingga akhir secara berkumpulan dalam satu jangka masa tertentu. Program ini turut memberi peluang kepada peserta berurusan dan menjalin perhubungan dengan sektor korporat.

Di Malaysia, boleh dikatakan secara keseluruhannya institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah berjaya menyediakan kefahaman secara teori mengenai bidang pengurusan dan perniagaan. Hanya sebahagian kecil sahaja dari institusi ini mengambil langkah proaktif untuk

menubuhkan Pusat Latihan Keusahawanan yang berfungsi membantu siswazah meneroka potensi diri dalam bidang keusahawanan. Sebagai contoh, Universiti Utara Malaysia (UUM) menubuhkan Institut Pembangunan Keusahawanan tahun 1993 dengan matlamat membina, membangun, dan memantapkan proses serta budaya keusahawanan secara lebih praktikal di kalangan graduannya melalui aktiviti-aktiviti latihan, penyebaran maklumat, projek-projek khas, penyelidikan dan perundingan.

Untuk melahirkan golongan usahawan siswazah yang seimbang dan benar-benar bersedia untuk meneroka dunia keusahawanan, kurikulum dan bentuk latihan yang diberikan kepada pelajar mestilah seimbang dari aspek pendidikan dan latihan. Dari segi latihan, Bechard dan Toulouse (1997) mencadangkan pendidikan keusahawanan boleh dikategorikan kepada tiga tahap iaitu bermula dengan orientasi dan kesedaran kemudian diikuti oleh usaha membina usahawan baru dan akhirnya diperkukuhkan dengan aspek pengurusan.

Kita mesti menerima hakikat bahawa terdapat aspek latihan keusahawanan yang boleh diajar dan ada pula yang memerlukan pelajar menguasainya melalui latihan praktikal (Faoite et al. 2003). Bagi golongan yang terlibat sebagai tenaga pengajar bidang keusahawanan, Jack dan Anderson (1998) mencadangkan agar golongan ini memahami realiti sebenar dunia keusahawanan kerana ianya merangkumi aspek sastera atau seni yang melibatkan kreativiti dan inovasi pelajar dalam menghadapi cabaran globalisasi serta sains yang memerlukan penguasaan kemahiran dan fungsi pengurusan.

Jika bentuk latihan dan pendedahan yang diberikan kepada golongan pelajar ini berjaya mengabungkan aspek kemahiran pengurusan, kemahiran teknikal dan kemahiran keusahawanan, maka ia akan memberikan impak besar kepada negara dalam meramaikan golongan usahawan yang boleh bersaing di peringkat global. Ini terbukti melalui kajian yang telah dilakukan oleh Kolvereid dan Moen (1997) yang melihat hubungan di antara pengkhususan dalam bidang keusahawanan dikalangan pelajar graduan pengurusan perniagaan dengan aktiviti keusahawanan. Hasil kajiannya mendapati siswazah yang memilih pengkhususan keusahawanan sewaktu di tahun akhir pengajian mempunyai hubungan positif dengan pembentukan syarikat-syarikat baru dan banyak terlibat dengan aktiviti berbentuk keusahawanan setelah menamatkan pengajian.

Ibu bapa sep
anaknya be
dengan pilih
jika anak-an
kerja kepada
kewangan, j

Usaha perlu
Korporat i
dikembangk
menghasilk
keusahawan
pihak pemb
kerja kursus,

Ke Arah Latihan yang Lebih Komprehensif

Untuk melahirkan usahawan di peringkat universiti, pihak-pihak berikut perlu terlibat secara langsung dalam pendidikan dan latihan keusahawanan supaya satu modul keusahawanan yang komprehensif dapat disediakan.

Agensi Kerajaan

Walaupun kerajaan menyediakan banyak peluang latihan dan pembiayaan dalam aspek keusahawanan, namun ia tertumpu kepada golongan yang sudah menamatkan pengajian. Satu mekanisme perlu disediakan agar bantuan tersebut boleh disalurkan sewaktu siswazah masih lagi berada di universiti. Harapan untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera bukan sahaja menjadi tanggungjawab Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sahaja, ianya boleh dilaksanakan dengan lebih sempurna sekiranya turut melibatkan kerajaan negeri melalui anak-anak syarikatnya menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi.

Ibu Bapa

Ibu bapa sepatutnya mesti menjadi pendorong utama apabila mengetahui anaknya berminat dalam bidang keusahawanan. Mereka perlu yakin dengan pilihan anak-anak untuk mendalami bidang keusahawanan kerana jika anak-anak mereka berjaya menubuhkan syarikat, ia memberi peluang kerja kepada orang lain. Sokongan boleh dihulurkan dari segi bantuan kewangan, jaringan perniagaan dan sokongan moral.

Universiti

Usaha perlu dilakukan agar pihak universiti lebih bersikap '*Mesra Korporat*' iaitu usahasama yang dijalankan dengan sektor korporat perlu dikembangkan skopnya agat meliputi aspek teknikal dan sosial. Untuk menghasilkan kurikulum yang seimbang dalam pendidikan keusahawanan, Garavan dan O'Conneide (1994) berpendapat peranan pihak pembuat dasar di peringkat universiti perlu memastikan rangka kerja kursus yang ditawarkan mengambil kira perkara berikut:

1. Memenuhi kehendak pasaran – perbincangan perlu dilakukan dengan pihak industri tentang kandungan kurikulum.
2. Mengandungi elemen teori dan praktikal – para pelajar diasah pemikirannya dari aspek membuat keputusan yang rasional.
3. Mengalakkan siswazah untuk berniaga – kecenderungan untuk makan gaji dengan kerajaan perlu dielakkan.
4. Menggabungkan ilmu pengurusan, analisis dan teknikal – kemahiran yang paling penting bagi usahawan ialah kebolehan merancang dan mengurus.

Sektor Korporat

Tidak dapat dinafikan, setiap pelaburan yang dibuat oleh sektor korporat mahukan pulangan keuntungan. Namun sudah sampai masanya sektor korporat berubah dan mewujudkan budaya '*Mesra Universiti*' di mana kerjasama yang terjalin di antara sektor korporat dan universiti perlu diperluaskan skopnya dengan mengambil kira bidang pengurusan. Sektor korporat boleh menjadi mentor kepada pelajar yang sedang mengikuti latihan keusahawanan kerana pelajar memerlukan pendedahan realiti dunia perniagaan.

Siswa Bistari UiTM Johor

Melihat kepada kepentingan dan kelebihan yang terdapat dalam bidang keusahawanan, selaku Pengarah kampus UiTM Johor, Prof. Madya Dr. Mohamed Hashim Mohd Kamil telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan Johor Corporation bagi menjalinkan kerjasama untuk mewujudkan satu wadah yang membolehkan para pelajar melibatkan diri dalam bidang perniagaan, menimba pengalaman mentor yang menerajui syarikat-syarikat milik Johor Corporation dan merasai keadaan sebenar dunia perniagaan ketika mengadakan latihan praktikal di syarikat berkenaan selaras dengan konsep '*mesra korporat*' dan '*mesra universiti*' yang telah dibincangkan sebelum ini.

Hasil perundingan berkenaan, akhirnya pada awal bulan Mac 2004 satu program yang dikenali sebagai Siswa Bistari telah dipersetujui untuk dilaksanakan. Segala perniagaan yang ingin diusahakan oleh para pelajar UiTM Johor perlu didaftarkan di bawah program ini untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan secara sah di dalam kampus. Prof

Siswa Bistari: Setapak ke Dunia Keusahawanan

Madya Dr. Mohamed Hashim Mohd Kamil juga telah berjaya membina satu kawasan khas yang dinamakan sebagai *wakaf Bistari* sebagai tapak perniagaan bagi membolehkan para peserta program Siswa Bistari beroperasi dan sempurna di kawasan berkenaan.

Fasa Pertama program Siswa Bistari mengandungi lima buah syarikat dengan bilangan keseluruhan ahli seramai 38 orang. Di samping itu, setiap syarikat mempunyai seorang pensyarah pembimbing bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat secara teori dan seorang mentor yang menerajui salah sebuah syarikat milik Johor Corporation untuk berkongsi pengalaman dan memberikan gambaran sebenar dunia perniagaan. Berikut adalah maklumat berkaitan dengan syarikat Siswa Bistari:


Mentor	Syarikat Siswa Bistari	Pensyarah Pembimbing
Encik Azhari Abdul Hamid Pengurus Besar HC Duraclean Sdn Bhd, Johor Bahru	Alam Dobi Entrepreneur (perkhidmatan dobi)	Puan Che Faridah Che Mahmood
Encik Syapol Anwar Mohd Aini PGI Cipta Sdn. Bhd. Johor Bahru	Phonetic Communication (telekomunikasi)	Encik Ros Hasri Ahmad
En Nasharuddin Shukor Pengurus Besar JTP Trading Sdn. Bhd. Johor Bahru	A Sandwich House (makanan)	Encik Sharul Effendy Janudin
Tn Hj Abd Rahman Sulaiman Pengarah Urusan Tepak Marketing Sdn. Bhd. Johor Bahru	Fantasy Café (minuman)	Encik Abdul Halim Shuhaimi Yeop Johari
Encik Abd Hamid Shahdan Pengurus Kanan Pro-Office Shoppe Sdn. Bhd. Kuala Lumpur	EZ Transport (pengangkutan)	Encik Razali Daud

Objektif Siswa Bistari

Matlamat utama penubuhan Program Siswa Bistari adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada mahasiswa UiTM Johor mengenai keusahawanan dan pengurusan perniagaan. Pendedahan ini diharapkan dapat membina semangat keusahawanan di kalangan mahasiswa agar terdorong untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya apabila mereka menamatkan pengajian. Program Siswa Bistari juga merupakan satu perancangan yang berasaskan kepada usaha untuk mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera kelas menengah dengan menemukan bakal usahawan ini dengan mentor yang menerajui syarikat milik Johor Corporation.

Perlaksanaan program Siswa Bistari ini juga sebenarnya untuk meleraikan permasalahan yang telah ditimbulkan oleh Abdul Razak Omar (1998) di mana *'kepincangan yang dihadapi oleh sebilangan besar peniaga Bumiputera terdiri daripada berpendidikan rendah-menengah maka itu dari segi ketahanan mereka untuk menangani pelbagai masalah serta karehah perniagaan adalah satu yang menyukarkan'*. Program ini juga telah membina rantaian kerjasama murni di antara pihak universiti (UiTM), institusi korporat (Johor Corporation) dan pelajar (bakal graduan) seperti gambarajah di bawah:

RANGKA KERJA PROGRAM SISWA BISTARI, JCORP DAN UiTM JOHOR



Perancangan Program Siswa Bistari

Selaras dengan komitmen bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang berkualiti, UiTM Johor dengan kerjasama Johor Corporation telah mengadakan program latihan selama dua tahun dalam rangka memupuk budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa dan perancangannya adalah seperti berikut:

Bulan	Program
	Fasa Pertama
Mac 2004	Program Orientasi Siswa Bistari.
Mac 2004	Kursus Asas Perniagaan.
Apr 2004	Latihan Praktikal Setiausaha Syarikat
Jun 2004	Kursus Keusahawanan
Sept 2004	MOU Program Siswa Bistari
Jan 2005	Karnival Keusahawanan Siswa Bistari
Jan 2005	Seminar Keusahawanan Siswa Bistari
Mac 2005	Mesyuarat Agong Tahunan Siswa Bistari
Apr 2005	Pembentangan Laporan Tahunan dan Kewangan Syarikat
Mei 2005	Latihan Praktikal di Syarikat Mentor
Julai 2005	CEO's Nite dan Anugerah Siswa Bistari 2004

Aktiviti yang Telah Dilaksanakan

Bagi memastikan para peserta program Siswa Bistari memperoleh pengetahuan dan pengalaman yang secukupnya maka aktiviti yang telah dirancang perlu dilaksanakan secara teliti dengan pengisian modul-modul yang bersesuaian agar peserta bersedia dan dapat memahami dunia perniagaan sebenar. Berikut adalah beberapa pengisian yang telah dilaksanakan dalam Fasa Pertama program ini:

Program Orientasi dan Kursus Asas Perniagaan Siswa Bistari

Pengisian Program:

Bagi Program Orientasi dan Kursus Asas Perniagaan ini telah sempurna dilaksanakan pada 16 hingga 19hb. Mac 2004, para peserta didedahkan dengan maksud sebenar bidang keusahawanan, ciri-ciri yang perlu ada

pada seseorang usahawan untuk berjaya dan keperluan untuk berfikir secara kreatif dan inovatif bagi memastikan kelangsungan perniagaan yang diusahakan pada masa hadapan.

Di samping itu para peserta diberikan penekanan tentang amalan dan nilai murni agama Islam yang perlu diimplimentasi dalam perniagaan untuk menjadikan usaha yang dicurahkan diberkati Allah s.w.t. Langkah ini bertujuan untuk menyemaikan nilai murni dan mulia amalan Islam dalam setiap kegiatan kehidupan umatnya seperti mana yang telah ditegaskan oleh Abdul Sami' Al Misri (1993) di mana setiap amalan seseorang Islam itu hendaklah bermatlamatkan mencari keredaan Allah semata-mata. Sekalipun hendak mencari kekayaan di dunia, janganlah hendaknya mengeneipkan 'rahmah' (belas kasihan), kerana ia menjadi asas keutuhan masyarakat Islam.

Di akhir modul, para peserta diminta untuk menyediakan satu *Memorandum of Association* dan *Articles of Association* bagi syarikat sendirian berhad yang ingin mereka tubuhkan. Menurut Jamluddin Che Sab (2004) bentuk pendaftaran secara syarikat sendirian berhad memberi suatu identiti tersendiri pada sesebuah perniagaan manakala dari segi penubuhannya agak rumit. Identiti ini memisahkan perniagaan dan ahli pemegang sahamnya. Tanggungan ahli pemegang saham dalam syarikat sendirian berhad terhad setakat jumlah saham yang dibelinya dan segala aktiviti syarikat perlu dinyatakan di dalam *Memorandum of Association* dan *Articles of Association*

Perjanjian Persefahaman (MOU) Program Siswa Bistari

Pengisian Majlis:

Majlis bersejarah yang berlangsung di Dewan Sri Temenggong UiTM Johor pada 9hb. September 2004 ini, telah dihadiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi iaitu YB Dato' Dr. Hj. Shafie Mohd Salleh, Naib Canselor UiTM YBhg Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Ketua Eksekutif Johor Corporation YBhg Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim dan YBhg Prof. Madya Dr. Mohamed Hashim Mohd Kamil selaku Pengarah UiTM Johor.

Perlaksanaan Majlis Perjanjian Persefahaman (MOU) ini adalah bertujuan untuk merealisasikan penubuhan Program Siswa Bistari. Perjanjian ini melibatkan tiga pihak iaitu UiTM Johor, Johor Corporation dan Program Siswa Bistari.

Program Keusahawanan dan Networking Siswa Bistari 2004

Pengisian Program:

Program ini telah dilaksanakan pada 20 hingga 22hb. Ogos 2004 di mana semua peserta program telah diberikan satu tugas untuk membentuk sebuah Rancangan Perniagaan (*Business Plan*) dan membuat pembentangan mengenai perniagaan yang telah dipilih meliputi aspek maklumat syarikat dan ahli, bahagian pengurusan, bahagian pemasaran, bahagian pengeluaran dan bahagian kewangan. Selain daripada itu para peserta turut didedahkan dengan proses '*networking*' iaitu bagaimana untuk memperkenalkan syarikat dengan pihak luar dan seterusnya mewujudkan jalinan kerjasama dengan syarikat lain, ini lakukan secara simulasi dan melalui perkongsian pengalaman dengan par mentor.

Penyediaan Rancangan Perniagaan amat penting kerana menurut Jamaluddin Che Sab (2004) sesuatu perniagaan yang hendak dijalankan perlu dirancang dengan teliti dan teratur supaya seseorang usahawan itu akan berasa yakin apabila ingin memulakan sesuatu perniagaan. Manakala '*networking*' di kalangan peniaga bumiputera menurut Abdul Razak Omar (1998) ianya tidak begitu wujud atau ketara di kalangan peniaga bumiputera. Oleh yang demikian sistem jaringan perlu diwujudkan bagi menjamin kelancaran perniagaan usahawan bumiputera.

Karnival Keusahawanan Siswa Bistari

Pengisian Program:

Program ini telah bermula pada 27 Januari dan berakhir pada 30 Januari 2005. Terdapat pelbagai aktiviti telah diadakan sempena dengan karnival keusahawanan ini antaranya gerai jualan, gerai makanan dan minuman dan ruang pameran telah dibuka kepada pihak luar untuk berniaga, di samping itu program ini turut diadakan program Al-Kulliah yang bertumpu kepada kepentingan dan kelebihan umat Islam melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Ianya turut dimeriahkan dengan pertunjukan kebudayaan dan busana muslim, peraduan mewarna kanak-kanak, pertandingan sukan, larian keamanan, tayangan amal, seminar keusahawanan dengan tajuk '*Usahawan Akar Umbi Negeri Johor*' oleh Ketua Pengarah MARA Malaysia dan ceramah keusahawanan oleh Ketua Eksekutif Johor Corporation bertajuk '*Jihat Dalam Perniagaan*'.

Karnival ini merupakan wadah bagi para peserta program Siswa Bistari mendapat pendedahan dan pengalaman dalam menganjurkan program di peringkat negeri, di samping itu ia juga memberi peluang kepada mahasiswa melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan dan menggunakan peluang yang ada sepenuhnya untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan maklumat perniagaan dengan para usahawan dengan harapan mereka akan dapat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan membina rangkaian perniagaan.

Mesyuarat Agong Tahunan Siswa Bistari

Semua syarikat Siswa Bistari telah diminta untuk mengadakan satu mesyuarat agong tahunan syarikat dalam bulan Mac 2005. Ini dilakukan kerana syarikat telah mencapai tempoh setahun beroperasi. Oleh yang demikian satu mesyuarat agong perlu dilakukan untuk mempertimbangkan beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembahagian keuntungan syarikat, ahli pemegang saham yang telah tamat tempoh pengajian, pengambilan ahli baru dan sebagainya.

Pembentangan Laporan Tahunan dan Kewangan Syarikat

Pengisian Program:

Pembentangan laporan tahunan dan kewangan syarikat telah dibuat 18hb. April 2005. Seramai dua orang juru audit profesional telah dijemput untuk menilai laporan kewangan syarikat dan seramai 5 orang panel khas dari Johor Corporation telah diminta hadir untuk menilai laporan tahunan dan prestasi syarikat Siswa Bistari. Para peserta telah diberikan penerangan bagaimana menyediakan laporan tahunan dan kewangan syarikat dengan lebih sempurna serta pandangan mengenai perancangan masa depan syarikat.

Latihan Praktikal di Syarikat Mentor

Pengisian Program:

Kesemua ahli syarikat telah dihantar menjalani latihan praktikal di syarikat mentor masing-masing bermula pada 21hb. April 2005 selama sebulan. Latihan praktikal ini memberikan pendedahan sepenuhnya kepada para peserta mengenai perjalanan keseluruhan organisasi perniagaan yang diuruskan oleh mentor.

Kesimpulan

Usaha untuk meningkatkan pencapaian ekonomi kaum bumiputera di negara ini dapat dilaksanakan kerana adanya penguasaan dari segi politik yang terus dipertahankan di bawah kepimpinan kerajaan Barisan Nasional. Namun begitu kaum bumiputera sentiasa diingatkan supaya tidak mudah alpa dengan apa yang dimiliki selama ini. Kepentingan penguasaan dari segi aspek ekonomi khususnya bidang perniagaan perlu diberikan perhatian bagi meneruskan kelangsungan hak mereka di bumi bertuah ini. Tambahan pula agama Islam yang menjadi pegangan majoriti kaum bumiputera di negara ini amat mengalu-alukan umatnya menyertai dan berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang perniagaan. Untuk memastikan kecemerlangan dan pencapaian yang positif di kalangan kaum bumiputera maka perhatian perlu diberikan kepada para mahasiswa bumiputera yang berada di menara gading pada hari ini kerana mereka akan mencorak serta menentukan kedudukan dan pencapaian nasib bangsa pada masa hadapan. Galakan perlu diberikan agar mereka mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi berlandaskan kepada nilai-nilai murni agama Islam. Kesediaan para usahawan yang telah berjaya di sektor korporat untuk turun ke ‘padang’ mendampingi mahasiswa dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk berjaya seperti usahawan berkenaan. Sesungguhnya usaha murni yang telah dilaksanakan dalam program Siswa Bistari ini telah membuka satu ruang kepada mahasiswa di UiTM Johor untuk melangkah ‘*setapak ke dunia keusahawanan*’.

Rujukan

- Abdul Razak Omar (1998). *Menjaring Usahawan Bumiputera*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Sami’ al Misri (1986). *Perniagaan dalam Islam*, diterjemah oleh Ahmad Hj. Hasbullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bechard, J.P dan Toulouse, J.M. (1997), ‘Validation of a didactic model for the analysis of training objectives in entrepreneurship’, *Journal of Business Venturing*, Vol. 13 (4), 317 – 332.
- Faoite, D. D., Henry, C., Johnston, K. dan Sijde, P. V. (2003), ‘Education and training for entrepreneurs: A consideration of initiatives in Ireland

and The Netherlands', *Journal of Education + Training*, Vol. 45 (8/9), 430 – 438.

Garavan, T. N. dan O' Cinneide, B. (1994). 'Entrepreneurship Education and Training Programmes: A Review and Evaluation – Part 1', *Journal of European Industrial Training*, Vol. 18 (8), 3 – 12.

Henry, C., Leitch, C. dan Hill, F. (2005). 'Entrepreneurship education and training: Can be taught? Part 1', *Journal of Education + Training*, Vol. 47(2), 98 – 111.

Ibrahim, A. B. dan Soufani, K. (2002). 'Entrepreneurship education and training in Canada: a critical assessment', *Journal of Education + Training*, Vol. 44 (8/9), 421 – 430.

Jamaluddin Che Sab (2004). *Bagaimana Memulakan Perniagaan*, Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Jack, S.L dan Anderson, A.R. (1998). 'Entrepreneurship Education within the Condition of Entrepreneurology', *Proceedings of the Conference On Enterprise and Learning*, Aberdeen.

Kementerian Pembangunan Usahawanan dan Koperasi, *Objektif Penganjuran Gerak Usahawan 2005 Peringkat Negeri Kedah*, <http://www.mecd.gov.my/gerakusahawan/objektifanajuran.htm>.

Kolvereid, L. dan Moen, O. (1997). 'Entrepreneurship among business graduates: Does a major in entrepreneurship make a difference?', *Journal of European Industrial Training*, Vol. 21 (4), 154 – 160.

Kertas Kerja Prosiding Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005 Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 6 September 2005.

ROS HASRI AHMAD, Pensyarah, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Johor.

SHARUL EFFENDY JANUDIN, Pensyarah, Fakulti Perakaunan UPSI, Tanjung Malim, Perak.

NOOR AZRIN ZAINUDDIN, Pensyarah, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, UiTM Johor.